

NO. SOALAN: 271

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG

RUJUKAN : 9751

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa selepas enam tahun, masih tiada sebarang tangkapan berhubung laporan membabitkan kes anak saya yang dihina oleh fitnah jahat melakukan mencabul kehormatan perempuan. Apakah hasil siasatan dan tindakan terhadap Ahli Parlimen Langkawi yang mengaitkan identiti MO1 dan juga bekas pemimpin Perkasa, Zulkifli Noordin berhubung tweetnya semasa pemimpin DAP, mendiang Karpal Singh meninggal dunia.

JAWAPAN:

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkait Jalan Patani Report 374/12 berserta 5 lagi laporan polis melibatkan anak Ketua Menteri Pulau Pinang yang didakwa mencabul kehormatan rakan sekolahnya dan kononnya telah dibayar sejumlah wang untuk memastikan berita ini tidak tersebar melalui media sosial. Kes ini telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan. Kertas Siasatan telah dirujuk ke Kamar Timbalan Pendakwa Raya pada 8 Mac 2017 dan siasatan masih lagi diteruskan.

Bagi pertanyaan berhubung siasatan dan tindakan terhadap Ahli Parlimen Langkawi dan Zulkifli Nordin, PDRM telah menjalankan siasatan laporan polis yang sama berkait Kuala Teriang Repot 978/16 di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan. Siasatan telah lengkap dan dirujuk ke kamar Timbalan Pendakwa Raya.